


**KARYA CATAN SYLVESTER WIELDING
JUSSEM DALAM KONTEKS *ORGANIC*
UNITY DAN INTERPRETASI IMEJ**



JUNIOR KIMWAH

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN
WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2017**

**KARYA CATAN SYLVESTER WIELDING
JUSSEM DALAM KONTEKS *ORGANIC
UNITY* DAN INTERPRETASI IMEJ**

JUNIOR KIMWAH



UMS

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN PENGIJAZAHAN
IJAZAH SARJANA SASTERA**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN
WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2017**

PENAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan, dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

20 JUN 2017

Junior Kimwah
MA1411110T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA PELAJAR : **JUNIOR KIMWAH**
NO. MATRIK : **MA1411110T**
TAJUK TESIS : **KARYA CATAN SYLVESTER WIELDING JUSSEM DALAM
KONTEKS *ORGANIC UNITY* DAN INTERPRETASI IMEJ**
IJAZAH : **IJAZAH SARJANA SASTERA (SENI VISUAL)**
TARIKH VIVA : **8 JUN 2017**

 **DISAHKAN OLEH;**
1. PENYELIA UTAMA
Prof.Madya Dr. Haji Baharudin Bin Haji Mohd. Arus Tandatangan


PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan syukur di atas berkat yang diberikan oleh Tuhan kerana membekalkan saya dengan kesihatan yang baik, ilmu pengetahuan, dan kasih sayang sepanjang menjalankan penyelidikan dan proses penulisan tesis ini.

Saya dahului dengan ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga buat penyelia saya iaitu Profesor Madya Dr. Haji Baharudin bin Haji Mohd. Arus kerana telah banyak berkorban masa dan tenaga membimbing saya sepanjang penyelidikan ini. Beliau telah banyak membantu saya dalam memperbaiki kelemahan dalam menjalankan penyelidikan dan juga telah memudahkan saya dalam merancang keseluruhan penyelidikan ini.

Di sini, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada infoman utama saya iaitu Encik Sylvester Wielding anak Jussem kerana telah sudi untuk menerima saya dan kerelaan beliau untuk ditemu bual sepanjang saya melakukan penyelidikan ini. Beliau telah menjemput saya ke rumah beliau secara peribadi dan menunjukkan studio tempat beliau bekerja dan ruangan koleksi karya beliau. Terima kasih sekali lagi di atas kesempatan yang sangat bermakna ini.

Seterusnya, penghargaan tertinggi saya ucapkan kepada kedua ibu bapa saya yang telah banyak berkorban dari segi kewangan, masa dan tenaga dalam membantu saya agar proses penyelidikan saya dapat dilaksanakan dengan lancar. Ucapan terima kasih juga kepada setiap ahli keluarga saya khususnya adik beradik saya yang telah menyokong saya secara moral dan rohani. Dengan adanya sokongan padu daripada mereka, saya mampu menyiapkan penyelidikan ini.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada rakan seperjuangan saya dan beberapa pihak lain yang telah banyak mencurahkan bakti dan membantu saya. Saya sangat terhutang budi di atas bantuan yang saya terima daripada kalian. Segala jasa baik dan pertolongan daripada setiap pihak akan saya iringi dalam doa saya. Sebagai penutup, semoga bahan penyelidikan ini akan menjadi bahan rujukan kelak dalam penulisan akan datang.

Junior Kimwah
20 JUN 2017

ABSTRAK

Penyelidikan ini merupakan kajian terhadap karya catan yang telah dihasilkan oleh pelukis Sarawak iaitu Sylvester Wielding anak Jussem. Pelukis ini lebih dikenali sebagai Sylvester Jussem merupakan seorang pensyarah di Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Beliau telah menceburi bidang seni lukis dari usia muda dan masih aktif dalam menghasilkan karya seni sehingga kini. Memetik nukilan Mohd Johari Ab. Hamid (2008: 10) penghayatan karya seni dan membuat penilaian terhadap satu karya seni visual memerlukan satu disiplin yang khusus. Membuat penilaian terhadap sesuatu karya seni yang tidak mengikut etika yang sebenarnya menjurus penghayat seni kepada satu garis pemisahan yang besar. Dalam pembangunan dan perkembangan seni visual tanah air, kritikan seni dan apresiasi dapat membantu. Karya beliau akan dianalisis dalam mengenal pasti elemen formalistik yang diaplikasikan dalam catan pelukis. Seterusnya, menilai imej catan Sylvester Wielding Jussem dari segi subjek, bentuk dan makna. Penyelidik juga akan menganalisis imej, bentuk dan makna catan Sylvester Wielding Jussem dalam konteks interpretasi. Penyelidik memilih dua pendekatan teori iaitu Pendekatan Formal dan Pendekatan *Organic Unity*. Hasil kajian menunjukkan pelukis menerapkan elemen seni rupa dan juga memiliki subjek, bentuk dan makna dalam 20 karya yang telah dianalisis.

Kata kunci: Analisis formalistik, unsur seni, prinsip rekaan, subjek, bentuk, makna.



UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

SYLVESTER WIELDING JUSSEM PAINTINGS IN THE CONTEXT OF ORGANIC UNITY AND INTERPRETATION OF IMAGES

This research is a study of the works of paintings that produced by Sarawak artist, Sylvester Wielding anak Jussem. The painter also known as Sylvester Jussem currently working as lecturer at the Faculty of Applied and Creative Arts, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). He has been involved in art from a young age and still active in producing artworks until now. According to Mohd Johari Ab Hamid (2008: 10) the appreciation of art and make a judgment of the work of visual art requires a specific discipline. To evaluate a work of art that is not really geared to the ethical art seeker can lead to a large separation line. In the construction and development of visual artists, art criticism and appreciation can help. His artwork will be analyzed in identifying formalistic elements that are applied in painting. Next, evaluate the image of Sylvester Wielding Jussem paintings in terms of subject, form and content. Researchers will also analyze the image, form and content in the Sylvester Wielding Jussem painting in the context of interpretation. Researchers chose two theoretical approaches, which is Formal Approach and Organic Unity Approach. The results showed that painters apply the elements of art and also have a subject, form and meaning of the 20 artworks that have been analyzed.

Keywords: Formalistic analysis, elements of art, principles of design, subject, form, content.



SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI FOTO	xiv
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	Xviii
BAB 1: PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	3
1.4 Persoalan Kajian	4
1.5 Objektif Kajian	5
1.6 Kepentingan Kajian	5
1.7 Batasan Kajian	6
1.8 Lokasi Kajian	7
1.9 Ringkasan Sorotan Literatur	7
1.10 Kaedah Penyelidikan	9
1.10.1 Perspektif Teoritikal	9
1.10.2 Reka Bentuk Kajian	11
1.10.3 Prosedur Penyelidikan	12
1.10.4 Kaedah Pengumpulan Data	13
1.10.5 Kaedah Analisis Data	15

1.10.6	Kerangka Teori	16
1.10.7	Kriteria Penilaian dalam Prosedur Klasifikasi Karya	18
1.10.8	Justifikasi Skor Penilaian Karya	27
1.11	Penutup	33

BAB 2: SOROTAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	34
2.2	Kritikan Seni Visual	34
2.2.1	Jenis Kritikan Seni	36
2.2.2	Pendekatan Kritikan Seni	36
2.2.3	Strategi Kritikan Seni	37
2.2.4	Analisis Formalistik	39
2.3	Elemen Formalistik	42
2.3.1	Unsur Seni	42
2.3.2	Prinsip Rekaan	46
2.4	<i>Subject Matter</i> (Hal Benda) dan <i>Content</i> (Makna)	49
2.4.1	Ikonografi dan Imitasi	49
2.4.2	Bentuk dan Makna (<i>Form and Content</i>)	51
2.5	Aliran Catan Dunia Abad ke-20	55
2.5.1	Seni Lukis Abad ke-20	55
2.5.2	Perkembangan Catan Moden Dunia	57
2.6	Sejarah Seni Catan Malaysia	58
2.6.1	Perkembangan Awal Seni Catan di Malaysia	59
2.6.2	Pengaruh Seni Catan Barat di Malaysia	61
2.6.3	Tokoh Catan Moden Malaysia	63
2.7	Sejarah Seni Catan Sarawak	65
2.7.1	Perkembangan Awal Seni Catan di Sarawak	65
2.7.2	Sumber Ilham dan Pengaruh terhadap Pelukis Sarawak	68
2.8	Penutup	70

BAB 3: LATAR BELAKANG PELUKIS

3.1	Sylvester Wielding Jussem	72
-----	---------------------------	----

3.2	Latar Belakang Pendidikan	74
3.3	Kecenderungan dan Minat	76
3.4	Aktiviti Pengkaryaan dan Pengembaraan	77
3.5	Penutup	83

BAB 4: ANALISIS FORMALISTIK DAN INTERPRETASI IMEJ

4.1	Pendahuluan	85
4.2	Elemen Formalistik dalam karya	86
4.3	Analisis Formalistik dan Interpretasi Imej karya tahun 1990-an	88
4.3.1	Analisis Karya Catan Jalan Gambier, Kuching 1958 (1994)	88
4.3.2	Analisis Karya Catan Environmental Remix (1994)	91
4.3.3	Analisis Karya Catan Garden Splendour II (1994)	95
4.3.4	Analisis Karya Catan Fishing Trip (1995)	98
4.4	Analisis Formalistik dan Interpretasi Imej karya tahun 2001 hingga 2005	102
4.4.1	Analisis Karya Catan Mountain Peak Series I (2001)	102
4.4.2	Analisis Karya Catan Mountain Peak Series II (2001)	105
4.4.3	Analisis Karya Catan Pelagic Playground I (2001)	108
4.4.4	Analisis Karya Catan Pelagic Playground III (2003)	113
4.4.5	Analisis Karya Catan Gema Gemilang (2004)	116
4.4.6	Analisis Karya Catan Logan Bunut Inspiration I (The Disappearing Lake) (2005)	119
4.4.7	Analisis Karya Catan Logan Bunut Inspiration II (The Disappearing Lake) (2005)	122
4.4.8	Analisis Karya Catan Bountiful Harvest (2005)	126
4.5	Analisis Formalistik dan Interpretasi Imej karya tahun 2010 hingga 2014	129
4.5.1	Analisis Karya Catan Gawai Kenyalang (2012)	130
4.5.2	Analisis Karya Catan Crab Mentality I (2012)	133
4.5.3	Analisis Karya Catan Sacred Talisman – Collection of a Kampung Semban Shaman (2012)	136

4.5.4	Analisis Karya Catan Lejang' (Bidayuh Traditional Dance) Brass Ring Ladies (2012)	140
4.5.5	Analisis Karya Catan Semban Porters III (2012)	144
4.5.6	Analisis Karya Catan Semban Maidens Performing Traditional Eagle Dance (Rejang Bouh) (2014)	147
4.5.7	Analisis Karya Catan Bird Nest Gatherers, Niah (2014)	151
4.5.8	Analisis Karya Catan Flight of The Good Souls (2014)	154
4.6	Penutup	157

BAB 5 : DAPATAN KAJIAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	159
5.2	Perbincangan Dapatan Penyelidikan	159
5.3	Perbincangan Analisis Penyelidikan	163
5.4	Cadangan	168
5.5	Kesimpulan	170

RUJUKAN

171

LAMPIRAN

178




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1:	Kategori Karya pada tahap Cemerlang 18
Jadual 1.2:	Kategori Karya pada tahap Sederhana 21
Jadual 1.3:	Kategori Karya pada tahap Memuaskan 24
Jadual 1.4:	Jadual Perincian Karya Tahap Cemerlang 28
Jadual 1.5:	Jadual Perincian Karya Tahap Sederhana 29
Jadual 1.6:	Jadual Perincian Karya Tahap Memuaskan 30
Jadual 1.7:	Purata Skor mengikut ciri-ciri yang terdapat dalam catan 31
Jadual 1.8:	Contoh Jadual Skor Penilaian 32
Jadual 1.9:	Skor Markah dalam SKala Penilaian 32
Jadual 2.1:	Hubungkait dalam teori ikonografi 50
Jadual 4.1:	Skor Penilaian karya <i>Jalan Gambier, Kuching 1958</i> 91
Jadual 4.2:	Skor Penilaian karya <i>Environmental Remix</i> 94
Jadual 4.3:	Skor Penilaian karya <i>Garden Splendour II</i> 97
Jadual 4.4:	Skor Penilaian karya <i>Fishing Trip</i> 101
Jadual 4.5:	Skor Penilaian karya <i>Mountain Peak Series I</i> 104
Jadual 4.6:	Skor Penilaian karya <i>Mountain Peak Series II</i> 108
Jadual 4.7:	Skor Penilaian karya <i>Pelagic Playground I</i> 112
Jadual 4.8:	Skor Penilaian karya <i>Pelagic Playground III</i> 115
Jadual 4.9:	Skor Penilaian karya <i>Gema Gemilang</i> 118
Jadual 4.10:	Skor Penilaian karya <i>Logan Bunut Inspiration I (The Disappearing Lake)</i> 121
Jadual 4.11:	Skor Penilaian karya <i>Logan Bunut Inspiration II (The Disappearing Lake)</i> 125
Jadual 4.12:	Skor Penilaian karya <i>Bountiful Harvest</i> 128
Jadual 4.13:	Skor Penilaian karya <i>Gawai Kenyalang</i> 132
Jadual 4.14:	Skor Penilaian karya <i>Crab Mentality I</i> 135
Jadual 4.15:	Skor Penilaian karya <i>Sacred Talisman – Collection of a Kampung Semban Shaman</i> 139


Jadual 4.16:	Skor Penilaian karya <i>Lejang' (Bidayuh Traditional Dance)</i>	143
	<i>Brass Ring Ladies</i>	
Jadual 4.17:	Skor Penilaian karya <i>Semban Porters III</i>	146
Jadual 4.18:	Skor Penilaian karya <i>Semban Maidens Performing Traditional</i>	150
	<i>Eagle Dance (Rejang Bouh)</i>	
Jadual 4.19:	Skor Penilaian karya <i>Bird Nest Gatherers, Niah</i>	153
Jadual 4.20:	Skor Penilaian karya <i>Flight of The Good Souls</i>	156
Jadual 5.1:	Senarai karya yang telah dianalisis mengikut tahap	162
Jadual 5.2:	Skor setiap elemen karya	167



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1: Carta Alir Reka Bentuk Penyelidikan	11
Rajah 1.2: Model Kritikan Seni oleh Edmenud Burke Feldman	16
Rajah 1.3: Model Pendekatan <i>Organic Unity</i>	17
Rajah 1.4: Hubung kait pendekatan model "Organic Unity"	28




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI FOTO

	Halaman
Foto 1.1: Michelangelo (1508-1512) <i>Creation of Adam</i>	18
Foto 1.2: Paul Cezanne (1906) <i>The Large Bathers</i>	18
Foto 1.3: Childe Frederick Hassam (1885) <i>Horse and Carriage Columbus Avenue</i>	19
Foto 1.4: Vincent van Gogh (1888) <i>Crab On Its Back</i>	20
Foto 1.5: Wasilly Kandinsky (1913) <i>Composition VII</i>	21
Foto 1.6: Vincent van Gogh (1889) <i>Iris</i>	22
Foto 1.7: Lee Krasner (1957) <i>Thaw</i>	23
Foto 1.8: Jackson Pollock (1950) <i>Autumn Rhythm (No.30)</i>	23
Foto 1.9: Max Ernst (1927) <i>The Forest</i>	24
Foto 1.10: Claude Monet (1906-1907) <i>Water Lilies</i>	25
Foto 1.11: Paul Cezanne (1886) <i>Mountains in Provence</i>	26
Foto 1.12: Gustav Klimt (1907-1908) <i>The Kiss</i>	26
Foto 2.1: Syed Ahmad Jamal, <i>Gunung Ledang</i> (1978)	64
Foto 2.2: Syed Ahmad Jamal, <i>Sirih Pinang</i> (1993)	64
Foto 3.1: Sylvester Wielding Jussem di pejabat FACA, UNIMAS	72
Foto 3.2: Sylvester Wielding Jussem berkongsi lakaran beliau	73
Foto 3.3: Penyelidik bersama Sylvester Wielding Jussem	74
Foto 3.4: Pameran SAS di The Spring Mall, Kuching	75
Foto 3.5: Karya <i>Borneo Highland Series</i> (2001)	76
Foto 3.6: Sylvester Wielding Jussem bersama karya beliau di Pameran SAS di The Spring Mall, Kuching	77
Foto 3.7: Lakaran pesisir pantai di Indonesia	78
Foto 3.8: Lakaran monumen di Indonesia	78
Foto 3.9: Studio peribadi Sylvester Jussem	79
Foto 3.10: Lakaran eksperimen bahan cat minyak	80
Foto 3.11: Catatan naratif dalam karya ilustrasi beliau	80
Foto 3.12: Ilustrasi ketam sebagai unsur perlambangan	80
Foto 3.13: Catan berjudul <i>Paku Pakis</i>	81

Foto 3.14:	Imej lakaran secara dekat	82
Foto 3.15:	Penggunaan motif secara berulang	82
Foto 3.16:	Sylvester Wielding Jussem bersama karya terbesar beliau	83
Foto 4.1:	Vincent Van Gogh (1889) <i>The Starry Night</i>	87
Foto 4.2:	Sylvester Wielding Jussem (1994) <i>Jalan Gambier, Kuching 1958</i>	88
Foto 4.3:	Childe Frederick Hassam (1885) <i>Horse and Carriage Columbus Avenue</i>	89
Foto 4.4:	Sylvester Wielding Jussem (1994) <i>Environmental Remix</i>	92
Foto 4.5:	Sylvester Wielding Jussem (1994) <i>Garden Splendour II</i>	95
Foto 4.6:	Sylvester Wielding Jussem (2001) <i>Fishing Trip</i>	98
Foto 4.7:	Tom Thomson (1915) <i>Northen River</i>	99
Foto 4.8:	Sylvester Wielding Jussem (2001) <i>Mountain Peak Series I</i>	102
Foto 4.9:	Sylvester Wielding Jussem (2001) <i>Mountain Peak Series II</i>	106
Foto 4.10:	Sylvester Wielding Jussem (2001) <i>Pelagic Playground I</i>	109
Foto 4.11:	Lee Krasner (1957) <i>Thaw</i>	110
Foto 4.12:	Sylvester Wielding Jussem (2003) <i>Pelagic Playground III</i>	113
Foto 4.13:	Sylvester Wielding Jussem (2004) <i>Gema Gemilang</i>	116
Foto 4.14:	Sylvester Wielding Jussem (2005) <i>Logan Bunut Inspiration I (The Disappearing Lake)</i>	119
Foto 4.15:	Sylvester Wielding Jussem (2005) <i>Logan Bunut Inspiration II (The Disappearing Lake)</i>	123
Foto 4.16:	Sylvester Wielding Jussem (2005) <i>Bountiful Harvest</i>	126
Foto 4.17:	Jackson Pollock (1950) <i>Autumn Rhythm (No.30)</i>	127
Foto 4.18:	Sylvester Wielding Jussem (2012) <i>Gawai Kenyalang</i>	130
Foto 4.19:	Sylvester Wielding Jussem (2012) <i>Crab Mentality I</i>	133
Foto 4.20:	Sylvester Wielding Jussem (1995) <i>Sacred Talisman – Collection of a Kampung Semban Shaman</i>	136
Foto 4.21:	Kelvin Chap Kok Leong (1997) <i>Nature of Roots</i>	138
Foto 4.22:	Sylvester Wielding Jussem (2012) <i>Lejang' (Bidayuh Traditional Dance) Brass Ring Ladies</i>	141
Foto 4.23:	Sylvester Wielding Jussem (2012) <i>Semban Porters III</i>	144

Foto 4.24:	Sylvester Wielding Jussem (2014) <i>Semban Maidens Performing Traditional Eagle Dance (Rejang Bouh)</i>	147
Foto 4.25:	Paula Rego (1988) <i>The Dance</i>	149
Foto 4.26:	Sylvester Wielding Jussem (2014) <i>Bird Nest Gatherers, Niah</i>	151
Foto 4.27:	Sylvester Wielding Jussem (2014) <i>Flight of The Good Souls</i>	154



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN


- APS** - Angkatan Pelukis Semenanjung
- FACA** - *Faculty of Applied and Creative Arts*
(Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif)
- ITM** - Institut Teknologi MARA (kini dikenali sebagai UiTM –
Universiti Teknologi MARA)
- KAC** - *Kuching Art Club*
- SAC** - *Sarawak Art Club*
- SAS** - *Sarawak Artists Society*
- UMS** - Universiti Malaysia Sabah
- UNIMAS** - Universiti Malaysia Sarawak



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A: Senarai Glosari	178
Lampiran B: Senarai Karya	180



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Umumnya karya seni menjadi wadah pembangunan intelek, sumber estetik dan pencorak gaya hidup masyarakat. Seni diekspresi dan dijemlakan dalam pelbagai dimensi. Seni yang terkesan pada objek-objek tertentu diperlihatkan menerusi hasil seni visual. Apa yang paling nyata ialah hasil kerja tangan seperti itu dapat dijemlakan pada seni ukiran, lukisan, catan, seni arca dan lain-lain (Mohd Johari Abdul Hamid dan Hamzah Lasa, 2013: 2).

Cetusan idea pelukis kini yang berkarya melalui sentuhan inspirasi malah dengan pelbagai eksperimentasi telah berjaya melebarkan sempadan penampilan karya visual kontemporari. Golongan pengkarya kini juga jauh lebih berani dan lebih menonjol. Idea-idea baharu digarap dalam pengucapan seni dilaksanakan mengikut dimensi mereka yang tersendiri, unik dan memiliki originaliti.

Hakikatnya, ramai pengkarya seni di negara ini lahir daripada latar belakang golongan berpendidikan formal dalam bidang seni (Mohd Johari Abdul Hamid dan Hamzah Lasa, 2013: 13). Aktiviti-aktiviti penerokaan dalam berkarya ibarat satu proses wajib yang dipatuhi dalam mencari kelainan dalam berkarya. Hasil daripada penerokaan tersebut, banyak input serta penemuan baharu sehingga dapat menghasilkan karya seni 'gaya baharu'.

Penyelidikan ini membicarakan tentang satu aktiviti analisis seni catan yang dikategorikan sebagai kritikan seni. Catan pada ketika ini tidak terbatas hanya kepada kanvas, kertas atau dinding sahaja. Karya seni berupaya menjadi bahan rujukan dan dokumentasi sejarah, masyarakat serta budaya. Dewasa ini, seni juga

berperanan sebagai alat komunikasi, sumber komersial, tanda sosial dan status, alat ideologi dan sebagainya.¹

Dalam catan, pengamatan dan pengalaman terhadap masyarakat serta budaya biasanya dirakam oleh pelukis di atas permukaan yang bersifat rata atau dua dimensi dengan menggunakan bahan tertentu seperti cat minyak dan cat air, bersesuaian dengan mesej yang ingin diungkap. Bahan dan permukaan menjadi keperluan catan yang asas (Muliyadi Mahamood, 1995: 27).

Dalam menghayati karya-karya ini, penyelidik memusatkan penyelidikan kepada subjek yang menjadi ilham pelukis dan mengupas elemen formalistik dan interpretasi imej subjek berkenaan. Penyelidik akan berusaha untuk memahami secara mendalam setiap aspek formalistik melalui kaedah kritikan karya oleh Edmund Burke Feldman dan membuat andaian dan rumusan makna sesebuah karya itu. Berdasarkan pendekatan Feldman di atas, penyelidik akan membuat penilaian dan mencari makna imej yang telah dipilih oleh pelukis tersebut.

1.2 Latar Belakang Kajian

Setiap karya seni akan dinilai dengan cara yang berbeza. Karya yang bersifat realistik dan naturalistik akan lebih mudah difahami kerana imej yang dihasilkan jelas dan bersifat naratif serta mengandungi cerita. Tetapi bagaimana pula dengan karya yang bersifat abstrak sepenuhnya? Bagaimana pengamat seni dapat mendalami dan memahami karya sedemikian? Misalnya, apakah yang cuba disampaikan oleh Syed Ahmad Jamal dalam karyanya yang bertajuk *Sirih Pinang dan Gunung Ledang*?

Dalam penyelidikan ini, penyelidik telah memilih seorang pelukis tempatan yang berasal dari negeri Sarawak, iaitu Sylvester Wielding Jussem dan beberapa karyanya untuk dijadikan sebagai bahan penyelidikan. Satu proses analisis formalistik dan imej akan dijalankan terhadap karyanya yang terpilih. Seniman ini

¹ Maklumat dipetik dari artikel Kesenian dalam Kehidupan Manusia Sejagat nukilan Kamaruddin Sulaiman dalam Dewan Budaya terbitan Mac 1995 muka surat 55.

dipilih kerana reputasi beliau yang menyerlah dalam industri seni dari dalam dan luar negara.

Penyelidik berusaha untuk membuat satu panduan dalam memahami karya berdasarkan pendekatan Feldman yang akan diketengahkan. Lantaran itu, pengamat seni akan dapat memahami karya dan membuat penilaian mereka sendiri berdasarkan pendekatan yang dikemukakan. Namun, panduan analisis karya ini hanya satu panduan asas dalam memahami karya dan seharusnya merujuk kepada pelukis itu sendiri. Dengan merujuk terus kepada pelukis tersebut pengamat seni akan mendapat maklumat yang lebih sahih dan relevan.

1.3 Permasalahan Kajian

Seni lukis yang sering dikaitkan dengan keindahan murni dengan beberapa teori estetikanya mula mengambil wajah baharu apabila seni itu tidak semestinya indah. Seni itu adalah idea yang dilontarkan oleh pengkarya dan pengkarya itu berhak memilih cara yang paling berkesan. Menurut Badrolhisham (1999: 65) jelasnya, yang "dipersembahkan" selalunya kelihatan janggal, infiniti, bahasa tampak ini sememangnya sistem gambar yang imejan bukanlah kod ekspresi tetapi variasi kerja kodifikasi yang perlu diperjelaskan.

Memetik nukilan Mohd Johari Ab. Hamid (2008: 10) penghayatan karya seni dan membuat penilaian terhadap satu karya seni visual memerlukan satu disiplin yang khusus. Membuat penilaian terhadap sesuatu karya seni yang tidak mengikut etika yang sebenarnya menjurus penghayat seni kepada satu garis pemisahan yang besar. Dalam pembangunan dan perkembangan seni visual tanah air, kritikan seni dan apresiasi dapat membantu. Pengkritik seni menggunakan ilmu bantu atau bahan rujukan lain sudah semestinya dapat menganalisis dengan lebih matang dan meyakinkan.

Seni lukis telah berkembang pesat dan terlalu jauh meninggalkan gaya realistik yang konvensional. Lantaran itu masyarakat umum tidak dapat menikmati dan menghargai karya seni lukis jika masih berada pada tahap pemikiran seni sebagai sesuatu yang realistik dan konvensional. Majalah *Far Eastern Economic*

Review 1997, dalam artikelnya yang bertajuk *Pretty Pictures, Bad Art* membuat tanggapan bahawa karya seni pelukis Malaysia kebanyakannya bersifat kosong walaupun secara tampaknya cantik atau indah pada pandangan mata penghayatan, tetapi tidak mempunyai isi kecuali segelintir kecil sahaja.²

"But the truth, art here is generally bad. A tour of Kuala Lumpur's more-established galleries quickly leads one to conclude that the bulk of paintings are decorative pieces. In gallery after gallery, one is confronted with swirls of vibrant colours, repetitive linear patterns, images of masks and ubiquitous idyllic rural scenes: all shamelessly marketed as great art when just label art stretches the definition."(Laura Fan, 1997:30).

Seni lukis merupakan paparan idea dan pemikiran manusia. Menurut Ahmad Rashid Hasan (2006: 6), karya seni lukis hari ini adalah sebuah penyampaian pemikiran dan idea pelukisnya. Pelukis kini adalah pemikir dan bukan sekadar pengukir keindahan lagi. Melalui karya-karya mereka, para pelukis dapat memanifestasikan pendirian dan pegangan atau pun falsafah hidupnya. Kepelbagaian pemikiran disebalik karya seni ini menjadikan seni lukis itu berkembang dengan kepelbagaiannya.

Justeru, lahirlah karya seni baru pascamoden yang tidak lagi berpaksi kepada keindahan semata-mata. Ahmad Rashid Hasan (2006: 7) berpendapat, pelukis tidak berkarya dalam kekosongan akal. Setiap seniman itu ada falsafah dan pegangan seninya sendiri dan pegangan seninya itu akan terpapar bersama dengan paparan imej dalam karyanya.

1.4 Persoalan Kajian

Apabila kita melihat sesebuah karya seni lukis, kita bukan sahaja sekadar menatap dan memandang, tetapi boleh mentafsir makna dan nilai seni yang terdapat dalam karya tersebut. Kita juga meneliti karya dari aspek gaya yang dibawa oleh pelukis dan teknik yang digunakan oleh pelukis tersebut. Lantas kita akan memerhati dengan lebih jauh ke dalam karya itu sendiri.

² Dipetik daripada Jurnal Far Eastern Economic Review yang diterbitkan pada 31 Julai 1997 pada halaman 30.

Malahan ada masanya kita langsung tidak memahami apa yang indah dalam sesebuah karya seni lukis itu mahupun apa yang ingin diluahkan oleh pelukis terutamanya dalam karya yang berbentuk abstrak. Perkara ini sememangnya akan timbul dan pengamat seni akan mula membuat penilaian terhadap karya seni.

Sekurang-kurangnya akan timbul persoalan tentang apakah gambar yang dilukis? Mengapa pelukis memilih untuk menghasilkan imej ini? Atau apakah yang dilukis oleh pelukis atau lazimnya secara lebih mendalam kita akan bertanya apa yang hendak disampaikan oleh pelukis melalui karyanya itu?

1.5 Objektif Kajian

Penyelidik menyedari beberapa isu yang telah diketengahkan dan telah mencadangkan beberapa objektif dalam mengatasi isu tersebut. Secara ringkasnya, tujuan penyelidikan ini dijalankan adalah untuk mengupas dengan lebih spesifik mengenai beberapa aspek iaitu:

- a. Menenal pasti elemen formalistik yang diaplikasikan dalam catan pelukis Sylvester Wielding Jussem.
- b. Menilai imej catan Sylvester Wielding Jussem dari segi subjek, bentuk dan makna.
- c. Menganalisis imej, bentuk dan makna catan Sylvester Wielding Jussem dalam konteks interpretasi.

1.6 Kepentingan Kajian

Penyelidikan ini dapat membantu mengetengahkan pemikiran dan persoalan disebalik imej yang digambarkan. Nilai sesuatu hasil seni terletak pada ukuran berapa tingginya fikiran yang terdapat di dalam hasil seni itu dan beberapa banyak pula faedah atau gunanya untuk masyarakat.³ Persoalan-persoalan yang ikhlas ini adalah gambaran dan pemikiran seniman terhadap budaya, politik, pemikiran semasa, dan setempat. Justeru itu, karya yang dipilih ini adalah satu rakaman

³ Maklumat sokongan dipetik dari artikel Kesenian dalam Kehidupan Manusia Sejagat nukilan Kamaruddin Sulaiman dalam Dewan Budaya terbitan Mac 1995 muka surat 56.